

**TEKS UCAPAN**  
**Y. BHG. TAN SRI ABDUL GANI PATAIL**  
**PEGUAM NEGARA MALAYSIA**  
**DI MAJLIS ANUGERAH**  
**PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN**  
**JASAMU DIKENANG TAHUN 2008,**  
**JABATAN PEGUAM NEGARA**  
**PADA 20 OGOS 2008 (RABU),**  
**PUKUL 9.00 PAGI DI PUSPANITA PURI, PUTRAJAYA**

Saudara/saudari Pengacara Majlis,

Y. Bhg. Datuk Idrus bin Harun,  
Peguam Cara Negara,

Y. Bhg. Dato' Zaleha binti Yusof,  
Peguam Cara Negara II,

Semua Ketua-Ketua Bahagian dan Penasihat Undang-  
Undang Negeri,

Para jemputan,

seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

*Assalamualaikum* dan salam sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur kepada Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Tahun 2008, Jabatan Peguam Negara pada hari ini. Bagi pihak Jabatan Peguam Negara, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih

kepada tetamu-tetamu jemputan di atas kesudian untuk hadir pada majlis hari ini.

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Tahun 2008, Jabatan Peguam Negara yang di adakan pada hari ini adalah bertujuan untuk merai dan menyampaikan sijil-sijil kepada warga Jabatan Peguam Negara yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2007, di samping sijil penghargaan kepada pesara dan bakal pesara di Jabatan Peguam Negara.

Majlis ini juga turut memuatkan acara yang julung-julung kali diadakan iaitu penyampaian sijil-sijil kepada pegawai-pegawai yang telah berjaya menamatkan kursus-kursus khas anjuran Jabatan Peguam Negara seperti **Program Graduate Course in Prosecutions, University of**

**Wollongong; LLM in International Legal Studies, University of Nottingham; International Legal English Certificate (ILEC) dan Diploma in French Language Studies.** Penyampaian sijil-sijil ini bertujuan untuk menzahirkan komitmen Jabatan dalam terus memperkasakan pembangunan modal insan di kalangan Pegawai Undang-Undang terutama dalam aspek perundangan yang merupakan salah satu komponen utama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk makluman, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Tahun 2008, telah beberapa kali diubah tempatnya selaras dengan perbelanjaan berhemah dan langkah berjimat cermat Kerajaan pada masa ini. Oleh itu, majlis yang kita adakan ini agak sederhana sahaja. Di atas penganjuran majlis ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.

Bhg. Dato' Zaleha binti Yusof Peguam Cara Negara II, selaku Pengerusi Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Jabatan Peguam Negara kerana kelab telah bermurah hati menyumbang *door gift* untuk majlis kita pada hari ini.

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

Pada majlis ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan **tahniah dan syabas kepada saudara-saudari yang berjaya terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Peguam Negara pada tahun ini.** Penganugerahan ini adalah sebagai tanda **pengiktirafan** Jabatan dan Kerajaan terhadap prestasi kerja yang cemerlang yang telah disumbangkan oleh saudara-saudari sekalian. Diharapkan **budaya kerja cemerlang ini akan terus dipupuk dan menjadi contoh kepada anggota-anggota lain di Jabatan ini.** Besar harapan saya agar anugerah ini akan

memberi motivasi dan pembakar semangat saudara-saudari untuk berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan prestasi sebagai menghargai pengiktirafan yang telah diberikan.

Bagi anggota-anggota yang tidak terpilih menerima anugerah pada tahun ini, bukanlah bermakna saudara-saudari tidak merupakan anggota yang cemerlang. Dalam Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia yang diadakan bagi memilih penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, didapati ramai calon yang layak dan telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Namun, kita harus faham bahawa dalam pemilihan, pasti ada persaingan untuk menjadi yang terbaik dari kalangan yang baik. Justeru itu, setiap anggota hendaklah sentiasa menanam sikap ingin bersaing secara sihat dan komited dengan tidak mengharapkan pengiktirafan anugerah semata-mata. Keikhlasan dalam bekerja sebenarnya adalah merupakan suatu ibadah. Jika ini difahami, maka ia

akan melahirkan keseronokan bekerja di kalangan warga Perkhidmatan Awam. Suka saya mengingatkan bahawa tugas sebagai penjawat awam menuntut pengorbanan yang bukan sedikit demi memastikan penyampaian perkhidmatan adalah perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti tinggi.

Untuk menyempurnakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan, kita perlu sentiasa mempraktik dan menitikberatkan beberapa **prinsip asas bekerja seperti ketepatan masa, ketepatan fakta, teliti dan terperinci dalam pelaksanaan tugas serta kesanggupan untuk *go to the extra miles* dalam memenuhi ekspektasi pelanggan.** Sekiranya prinsip-prinsip tersebut diamalkan, saya yakin dan percaya bahawa Jabatan Peguam Negara mampu menghasilkan modal insan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan *world class*.

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

Bagi menentukan prestasi kerja penjawat awam dapat diukur dengan lebih adil dan objektif, Kerajaan telah memperkenalkan **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sebagai salah satu mekanisme pengukuran prestasi kerja penjawat awam**. Dalam hal ini, ingin saya mengingatkan agar sistem pemarkahan yang diberi hendaklah berpatutan, wajar, tidak terlalu ekstrem dan memberi gambaran sebenar prestasi pegawai yang dinilai. Ini kerana terdapat kes dimana pegawai yang dinilai diberi markah melebihi 96% atau menghampiri tahap maksimum sedangkan masih terdapat banyak ruang bagi anggota tersebut untuk memperbaiki kelemahan diri dan prestasi kerjanya. Oleh yang demikian, saya berharap supaya setiap penilaian prestasi yang dibuat hendaklah bersifat lebih objektif dan realistik bagi menggambarkan prestasi sebenar anggota berdasarkan kepada pencapaian hasil

kerja, pengetahuan, kemahiran, kualiti peribadi serta sumbangan pegawai dalam tahun yang dinilai.

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

Berdasarkan kepesatan teknologi dan persekitaran yang sangat dinamik hari ini, sebagai penjawat awam, kita tiada pilihan dan perlu segera melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan baru, pemikiran yang kreatif dan inovatif serta sikap yang lebih positif dan reaktif agar kita terus kekal relevan, berdaya saing, boleh beradaptasi dengan perubahan sekeliling. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan etika tadbir urus yang baik dengan menekankan konsep kerja yang berintegriti, amanah, telus, bijaksana, adil dan berdisiplin agar dapat membentuk budaya Perkhidmatan Awam yang unggul. Walaupun kemahiran dan kompetensi seseorang anggota adalah merupakan asas yang menggerakkan sesuatu tugas, namun ia tidak memadai sekiranya anggota

tersebut tidak mempunyai integriti. Kerajaan begitu memandang berat terhadap soal integriti. Untuk itu, pelbagai mekanisme telah diwujudkan bagi menentukan setiap penjawat awam berada di tahap yang tinggi dari aspek integriti dan amalan murni. Di peringkat tertinggi, terdapat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang antara lain menentukan dasar dan arah tuju berkaitan dengan usaha-usaha integriti, pencegahan rasuah serta penyalahgunaan kuasa. Di peringkat Jabatan pula diwujudkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) bagi membantu Jabatan mengatasi masalah dan kelemahan dalam pengurusan kewangan, pentadbiran, tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Pada masa yang sama, kita sebagai anggota Perkhidmatan Awam perlu terus berusaha memupuk nilai-nilai positif tanpa mengenal rasa penat dan jemu. Kita harus melafaz dan menghayati kembali ikrar kita terhadap

nilai murni yang telah lama kita terapkan dalam Perkhidmatan Awam iaitu bersih, cekap, amanah, dedikasi dan ikhlas. Bagi Jabatan ini, sekiranya terdapat sebarang kegiatan penyelewengan dan salah laku, ia akan ditangani dengan tindakan yang tegas dan pantas bagi memberi mesej yang jelas kepada warga Jabatan agar mengutamakan penghayatan nilai dan etika yang luhur di kalangan anggotanya.

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Kerajaan hari ini telah memberi penekanan terhadap penghijrahan minda ke arah mentaliti kelas pertama yang berasaskan tiga perkara pokok iaitu ketangkasan kerja, ketepatan dan keberhasilan untuk memperbaiki sistem penyampaian awam (*delivery system*), agar dapat mencapai sasaran perkhidmatan awam bertaraf lima bintang bagi mengukur taraf perkhidmatan di sesebuah kementerian atau jabatan.

Untuk itu, Sistem *Star Rating* (SSR) telah diperkenalkan, di mana sistem ini telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu seperti perkhidmatan teras sesebuah agensi, pengurusan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan projek pembangunan, pengurusan ICT, pengurusan pelanggan dan pengurusan karenah birokrasi yang perlu dipenuhi oleh sesebuah kementerian atau jabatan bagi menghasilkan perkhidmatan yang bermutu tinggi. Dalam hubungan ini, setiap kerja yang dipertanggungjawabkan perlu mencapai tahap piawaian yang tinggi. Ini kerana sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap akan dapat menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara serta memenuhi tuntutan rakyat yang sentiasa meningkat. Lantaran itu, Jabatan ini sedang giat dan komited dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan dengan memastikan

pelaksanaan dan pematuhan kepada kriteria yang ditetapkan dalam SSR.

Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, Jabatan Peguam Negara juga sedang dalam proses mengambil alih tugas-tugas pendakwaan kes-kes jenayah di peringkat mahkamah rendah secara berperingkat-peringkat. Pada masa ini seramai 118 orang Penolong Pendakwa Raya telah ditempatkan di negeri-negeri dan daerah bagi melaksanakan tugas-tugas pendakwaan. Langkah ini merupakan inisiatif Jabatan untuk mewujudkan sebuah badan pendakwaan yang lebih adil, saksama serta bebas dari badan yang menyiasat, memastikan kajian pendakwaan dan pemantauan perbicaraan yang lebih terperinci serta memendekkan masa bagi mendapatkan arahan dan keputusan.

Jabatan ini percaya usaha-usaha yang telah dibuat ini akan dapat meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat secara konsisten dan dapat memupuk keyakinan orang ramai kepada perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan ini.

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2008 Jabatan Peguam Negara. Adalah menjadi harapan saya agar kecemerlangan ini akan terus dikekalkan dan menjadi pendorong untuk kejayaan lain yang lebih besar pada masa akan datang. Bagi yang tidak terpilih, janganlah berputus asa. Teruskan berusaha, kerana seperti kata Paul Arden, "***it's not how good you are, but it's how good you want to be***".

Bagi pesara dan bakal-bakal pesara pula, ingatan saya adalah supaya tuan-tuan dan puan-puan lalui masa

persaraan dengan langkah yang penuh optimistik dan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang tuan-tuan dan puan-puan ceburi selepas ini.

Kepada pegawai-pegawai yang akan menerima sijil kerana telah berjaya menamatkan kursus-kursus tertentu, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan. Anda semua menjadi contoh pegawai cemerlang kerana telah berjaya menamatkan kursus walaupun di masa yang sama dikehendaki terus melaksanakan tugas harian yang membebankan.

Sekian, saya sudahi dengan Wassalamu 'alaikum dan terima kasih.